



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	PENGURUSAN KEWANGAN
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	DPI 2133
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	APRIL 2016
<b>MASA</b>	<b>:</b>	3 JAM

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (60 Markah)
  - BAHAGIAN C (30 Markah)

*TIGA (3)*
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan pilih **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C.
  - I. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - II. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan
  - iv. Jadual Nilai Kini/Hadapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah

1. Firma menggunakan segala sumber yang ada untuk memaksimumkan kekayaan pemegang saham.
2. Analisis kewangan melibatkan penilaian terhadap prestasi lepas, semasa dan akan datang sesebuah firma.
3. Nisbah pulangan atas ekuiti digunakan untuk mengukur kadar pulangan pelaburan para pemegang saham biasa.
4. Contoh pembiayaan spontan termasuklah pembiayaan jangkapendek, terbitan saham biasa dan overdraf.
5. Kitaran pertukaran tunai boleh ditingkatkan dengan mengurangkan tempoh pertukaran inventori.
6. Pembelian berkonsepkan *Just In Time* tidak memerlukan sebarang lebihan inventori disimpan di dalam stor.
7. Pengurusan akaun belum terima yang berkesan boleh mengurangkan risiko hutang lapuk.
8. Kuantiti pesanan ekonomi merujuk kepada saiz pesanan yang optimum dimana kos inventori adalah pada tahap maksimum.
9. Pemegang saham keutamaan mempunyai keutamaan tuntutan terhadap aset dan perolehan syarikat berbanding pemegang saham biasa.
10. Belanjawan modal adalah proses menyediakan perancangan pelaburan jangka pendek dengan menilai beberapa alternatif pelaburan dan memilih alternatif yang terbaik.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi TIGA(3) soalan. Jawab SEMUA soalan didalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

**Kesuma Holding Sdn. Bhd.  
Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2015 (RM)**

Tunai	300,000	Akaun belum bayar	300,000
Akaun belum terima	800,000	Nota belum bayar	100,000
Inventori	900,000	Liabiliti jangka	
bangunan	1,500,000	panjang	900,000
		Saham biasa	2,200,000
<b>Jumlah Aset</b>	<b>3,500,000</b>	<b>Jumlah Liabiliti dan Ekuiti</b>	<b>3,500,000</b>

**Kesuma Holding Sdn. Bhd.  
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 (RM)**

Jualan	2,300,000
Kos barang dijual	1,300,000
Untung kasar	1,000,000
Belanja operasi	450,000
Pendapatan sebelum faedah dan cukai	550,000
Belanja faedah	100,000
Pendapatan sebelum cukai	450,000
Cukai (30%)	135,000
<b>Pendapatan Bersih</b>	<b>315,000</b>

**Nisbah Purata Industri**

Nisbah semasa	5.0 kali	Pulangan atas ekuiti	12.00%
Nisbah cepat	2.0 kali	Margin untung bersih	5.50%
Pusingganti inventori	3.5 kali	Nisbah hutang	25%
Pulangan atas aset	6.0 kali	Jangka masa kutipan	90 hari

Berdasarkan penyata kewangan tersebut :

- a. Kirakan nisbah-nisbah yang berkaitan bagi Kesuma Holding Sdn. Bhd.  
(12 markah)
- b. Berdasarkan jawapan anda di (a) berikan penilaian keatas keseluruhan prestasi syarikat dengan merujuk kepada nisbah kecairan, aktiviti, keberuntungan dan leveraj.  
(8 markah)

## SOALAN 2

Berikut merupakan maklumat anggaran belanjawan tunai Dash Sdn. Bhd. bagi suku tahun keempat tahun 2016.

- a. Anggaran jumlah adalah seperti berikut :

Bulan	RM
Ogos	210,000
September	200,000
Oktober	240,000
November	220,000
Disember	280,000

50% daripada jualan merupakan jualan tunai. 30% daripada jualan diterima sebulan selepas jualan manakala 20% lagi diterima dalam tempoh dua (2) bulan selepas jualan berlaku.

- b. Pada bulan November 2016, syarikat dijangka akan menerima dividen sebanyak RM35,000

- c. Anggaran belian daripada pembekal adalah seperti berikut :

Bulan	RM
Ogos	85,000
September	76,000
Oktober	73,000
November	100,000
Disember	90,000

50% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar sebulan selepas belian.

- d. Maklumat perbelanjaan syarikat adalah seperti berikut :

- a. Kos penghantaran adalah 1% daripada nilai belian tunai setiap bulan
- b. Overhead tetap syarikat adalah RM6,000 setiap bulan
- c. Overhead berubah syarikat dianggarkan 1% daripada nilai jualan setiap bulan  
Kesemua perbelanjaan tersebut dibayar pada bulan ia dibelanjakan.

- e. Lain-lain perbelanjaan adalah seperti berikut:

Insurans	RM3,500 sebulan
Sewa stor	RM3,000 sebulan
Upah pekerja	RM3,500 sebulan

- f. Pada bulan Oktober 2016, syarikat menjangkakan akan membeli sebuah lori dengan bayaran deposit berjumlah RM35,000.
- g. Baki awal bulan Oktober 2016 adalah RM20,000 dan syarikat mensasarkan baki minimum tunai adalah RM15,000 sebulan.

**Dikehendaki :**

Sediakan Belanjawan Aliran Tunai bagi Dash Sdn.Bhd pada suku tahun keempat 2016

(20 markah)

**SOALAN 3**

- a. Berjaya Group Bhd. merancang untuk membuat pelaburan sebanyak RM5 juta dalam salah satu daripada tiga projek di bawah dan menghadapi kos sebanyak 7% daripada modal untuk membiayai projek tersebut. Berikut merupakan aliran tunai bagi setiap projek.

Tahun	Projek A	Projek B	Projek C
1	1,300,000	1,600,000	600,000
2	1,300,000	1,600,000	700,000
3	1,300,000	800,000	800,000
4	1,300,000	800,000	900,000
5	1,300,000	800,000	2,000,000

Kirakan bagi ketiga-tiga projek berikut :

- i. Tempoh bayar balik

(6 markah)

- ii. Nilai kini bersih

(9 markah)

- iii. Projek mana yang harus dipilih oleh Berjaya Group Bhd? Jelaskan dapatan anda.

(2 markah)

- b. Jelaskan **DUA (2)** kepentingan kos modal.

(3 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab TIGA (3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Muaz Corporation menganggarkan bahawa ia memerlukan 40,000 unit beg sebagai inventori untuk tahun 2016. Satu unit beg akan dibeli pada harga RM15. Pembekal akan membuat penghantaran selepas 2 minggu pesanan. Kos pemesanan ialah RM200. Kos penghantaran ialah 15% daripada harga pembelian. Biasanya syarikat menyediakan 3,200 unit sebagai stok keselamatan. (Andaikan 360 hari setahun)

Berdasarkan makumat di atas, kirakan:

- a. Kuantiti Pesanan Ekonomi. (pesanan dibuat dalam gandaan 100 unit)  
(4 markah)
- b. Jumlah kos inventori  
(4 markah)
- c. Senaraikan DUA (2) jenis inventori.  
(2 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berikan SATU (1) kepentingan 'nilai masa wang' dalam kewangan.  
(1 markah)
- b. Kira nilai kini aliran tunai yang bakal anda terima : RM30,000 pada tahun pertama, RM25,000 pada tahun ke tiga dan RM70,000 pada tahun ke tujuh manakala kadar faedah adalah 7%.  
(5 markah)

- c. Sepanjang tempoh pengajian di KYPJ, anda telah menerima pembiayaan dari PTPTN sebanyak RM23,000. Kadar bunga yang dikenakan adalah 4%. Jika anda dikehendaki untuk melunaskan pinjaman dalam tempoh 3 tahun, kira bayaran bulanan yang anda perlu bayar.

(4 markah)

### SOALAN 3

**RMD SDN BHD**  
**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2016**

<b>ASET SEMASA</b>	<b>RM</b>	<b>LIABILITI SEMASA</b>	<b>RM</b>
Tunai	4,000,000	Akaun Belum Bayar	2,000,000
Akaun Belum Terima	2,400,000	Nota Belum Bayar	1,000,000
Inventori	1,800,000	Belanja Terakru	2,000,000
Sekuriti			
Mudahpasar	1,800,000		
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>10,0000</b>		
 <b>ASET TETAP</b>		 <b>PINJAMAN JANGKA PANJANG</b>	
Bangunan dan Peralatan	2,000,000		4,000,000
		 <b>EKUITI</b>	
		Saham Biasa	200,000
		Perolehan Tertahan	2,800,000
 <b>JUMLAH ASET</b>	<b>12,000,000</b>	 <b>JUMLAH LIABILITI &amp; EKUITI</b>	<b>12,000,000</b>

RMD Sdn Bhd berhasrat untuk membesarkan lagi perniagaannya. Anda dikehendaki membuat pengiraan jangkaan dana tambahan yang diperlukan untuk menampung perbelanjaan tersebut dengan menyediakan pro forma Kunci Kira-kira Tahun 2016 berdasarkan pernyataan di bawah:

- a. Jualan dijangka meningkat sebanyak 20% kepada 24,000,000 pada tahun 2016.
- b. Margin untung bersih ialah 6.5%.
- c. Dividen ke atas keuntungan ialah 40%.
- d. RMD Sdn Bhd beroperasi pada tahap kapisiti penuh.

Dana tambahan akan diperoleh melalui pembiayaan jangkapanjang.

(10 markah)

#### SOALAN 4

Deevotees Bhd. bercadang untuk menambahkan cawangannya di seluruh Johor. Sejumlah dana tambahan diperlukan. Syarikat telah mengenalpasti alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk memperoleh pembiayaan yang diperlukan :

**Sumber pembiayaan i** : Menerbitkan bon dengan kadar kupon 9% pada harga RM960. Tempoh matang bon selama 12 tahun. Kos apungan dianggarkan sebanyak 7.5% daripada harga bon dijual manakala kadar cukai syarikat adalah 30%.

**Sumber pembiayaan ii** : Menerbitkan saham keutamaan pada harga RM24 sesaham dengan kadar dividen sebanyak 4%. Kos apungan adalah 5% daripada harga saham dijual.

**Sumber pembiayaan iii**: Menerbitkan saham biasa pada harga RM 15 sesaham. Syarikat baru sahaja membayar RM 0.50 sesaham dan dividen dijangka meningkat pada kadar 6% setahun. Kos apungan adalah 20% dari harga jualan sesaham.

- a. Kira kos menerbitkan bon

(4 markah)

- b. Kira kos menerbitkan saham keutamaan

(2 markah)

- c. Kira kos menerbitkan saham biasa

(3 markah)

- d. Alternatif mana yang sepatutnya menjadi pilihan syarikat dan mengapa?

(1 markah)